



Jadikan Kerja Satu Ibadah

EN RAZALI ALIAS (KETUA KESELAMATAN)

En. Razali Bin Alias merupakan antara kumpulan perintis dalam penubuhan KUKUM, dipilih bagi menghiasi ruangan Personaliti. Beliau yang diamanahkan menjadi Ketua Keselamatan bersyukur kerana diberi peluang dan kepercayaan menjaga keselamatan di KUKUM. Beliau dilahirkan tanggal 25 Mei 1948, di Kg Selayang, Batu Caves, Selangor. Anak kelahiran Selangor ini melangsungkan perkahwinan dalam usia yang muda iaitu ketika berumur 20 tahun. Hasil perkongsian hidup bersama isteri tersayang, beliau telah dianugerahkan 8 orang cahaya mata dan 7 orang cucu. Beliau tidak menghadapi masalah walaupun sentiasa sibuk kerana isteri tercinta, Pn Sefiah Bt Hassan turut berkhidmat di Jabatan Keselamatan.

Mendapat pendidikan awal pada tahun 1955 di Sekolah Kebangsaan Kampung Selayang, Batu Caves, dan menamatkan pengajian di Sekolah Menengah Batu 5, Kuala Lumpur pada tahun 1963. En Razali mula bertugas sebagai anggota Angkatan Tentera Malaysia sebelum menamatkan perkhidmatan pada tahun 1979. Kemudian beliau mula berkhidmat dengan Universiti Sains Malaysia sebagai Pengawal Keselamatan. Setelah 23 tahun bersama Universiti Sains Malaysia, tenaga dan pengalaman beliau diperlukan di KUKUM. Beliau tertarik untuk berkhidmat dengan KUKUM disebabkan rasa ingin bersama-sama membina dan menubuhkan sebuah universiti yang baru. Sekurang-kurangnya dapat menyumbangkan tenaga serta menimba pengalaman baru. Tanggal 22 Julai 2002 secara rasminya beliau menjadi warga KUKUM.

Sebagai Ketua Keselamatan di KUKUM tugasnya amat mencabar kerana amat perlu kepada perhatian dan komitmen yang tinggi serta penuh tanggungjawab. Ia bukanlah satu perkara yang boleh dianggap mudah dan remeh kerana keselamatan merupakan satu tugas yang amat penting. Beliau amat berbesar hati ketika menerima tawaran mewakili KUKUM untuk bersama-sama wakil lain di seluruh negara mengikuti Kursus Pembangunan Diri di Universiti Malaysia Sabah. Di akhir kursus, beliau bersama wakil-wakil yang lain dikehendaki mendaki Gunung Kinabalu. Memandangkan ekspedisi ini memerlukan kekuatan fizikal dan mental yang mantap, pada mulanya beliau khuatir tidak dapat melakukannya. Namun dengan semangat 'KUKUM Boleh!', beliau akhirnya berjaya menawan Gunung Kinabalu dengan memacak bendera KUKUM di puncaknya sekaligus menjadi warga KUKUM pertama yang berjaya mendaki gunung yang tertinggi di Malaysia itu. Beliau amat berbangga kerana dapat berbakti seterusnya mengharumkan nama KUKUM.

Menjelang 25 Mei 2004 merupakan hari terakhir perkhidmatan sebelum beliau bersara. En Razali amat sedih serta berat hati untuk meninggalkan KUKUM kerana banyak kenangan manis bersama-sama rakan seperjuangan ketika di KUKUM. Kerjasama dan ketekunan warga KUKUM untuk membina dan membangunkan sebuah universiti amatlah dihargai.

Prinsip hidup beliau ialah sentiasa bersyukur dan redha akan kurniaan Allah S.W.T. Beliau berharap KUKUM akan menjadi sebuah universiti yang unggul dan cemerlang di peringkat dunia. Nasihatnya kepada warga KUKUM bekerjalah dengan penuh dedikasi dan ikhlas demi kecemerlangan KUKUM. Jadikanlah kerja itu sebagai ibadah.

